

PERSOALAN TAKLIK TALAK

(Suatu analisa tentang wajar tidaknya taklik talak terus diamalkan di Malaysia)

Oleh : Dr. Haron bin Din

Perkataan “Taklik” dari segi Bahasa bererti gantung atau sangkut. Dalam kontek hukum Fiqah taklik diertikan dengan “Mengaitkan berlakunya sesuatu hal dengan sesuatu syarat yang ditetapkan.”¹ Diantara persoalan taklik yang menjadi perbahasan panjang lebar didalam hukum fiqah ialah “Taklik Talak”. Taklik talak pada umumnya diertikan dengan mengaitkan berlakunya talak (perceraian) apabila terjadi atau berlaku sesuatu syarat yang dilafazkan. Contoh yang lumrah kedapatan didalam kitab-kitab fiqah seperti kata suami:

“Sekiranya engkau pulang kerumah bapamu maka terceraillah engkau” dan sebagainya. Dengan taklik tersebut, apabila isteri pulang kerumah bapanya, apakah gugur talak seperti yang dilafazkan atau pun tidak?.

Di dalam masaalah ini ulamak-ulamak tidak sepandapat memberikan jawapan bagi persoalan tersebut. Ulamak-ulamak itu pada umumnya ada dua golongan: Golongan pertama berpendapat: gugur-lah talak keatas perempuan tersebut. Golongan ini terdiri dari Imam-imam empat, Hanafi, Maliki, Shafie, Hanbali dan penyokong-penyokong mereka. Golongan kedua berpendapat: tidak gugur talak. Kata-kata yang dilafazkan oleh suami itu adalah sia-sia dan tidak memberi apa-apa kesan. Golongan ini terdiri dari: ‘Ali bin Abi Talib, Shuriah, Tawus, ‘Akrimah, ‘Ata’, Abi Thur, Ibn Taimiah, Ibn Hazm, Daud al-Dzahiri,² dan orang yang sepandapat dengan mereka seperti al-Syeikh Mahmud Shaltut, Dr. Abdul Salam Madkur,³ dan lain-lain.

¹ Al-Syeikh Shaltut dan al-Sayis, *Muqaranah al-Madhabib fi al-Fiqh*. Kahirah, 1953, hal. 103.

² Al-Syeikh ‘Ali al-Khafif, *Furaq al-Ziwaj*. Kahirah, 1958, hal. 112, perkara *al-Talak al-Mu’allaq*. Lihat juga Ibn Taimiah, *al-Fatawa al-Kubra*, Kahirah, 1379 H, jilid 3, hal. 6.

³ Lihat al-Syeikh Shaltut, *al-Fatawa*, (citakan ketiga) Kahirah (tanpa tarikh), hal. 299. Juga Dr. Abd al-Salam Madkur, *Ahkam al-Usrah Fi al-Islam*, (citakan kedua) Kahirah 1969, hal. 74. Lihat juga al-Syeikh Ali al-Khafif, *Furaq al-Ziwaj*, hal. 112.

ALASAN GOLONGAN PERTAMA: (*Taklik sah dan gugur talak apabila terlaksana kandungan taklik*).

Golongan pertama berpegang kepada beberapa alasan dari al-Quran dan al-Sunnah.

DARI AL-QURAN:

Wahai orang yang beriman, tunaikanlah persetujuan (ikatan atau konterek yang telah dimeterikan). (5/1)

Menurut golongan ini perkataan *al-uqud* didalam ayat itu luas pengertiannya, termasuklah segala kemastian dan janjian. Taklik termasuk sebahagian dari yang tersebut, oleh itu sahlah taklik itu dan gugurlah talak apabila syaratnya terlaksana.

DARI AL-HADITH:

Sabda Rasulullah s.a.w. maksudnya:

Orang-orang Islam hendaklah menunaikan syarat-syarat “persetujuan” yang dipersetujui antara mereka, kecuali syarat yang menghalalkan perkara yang haram dan mengharamkan perkara yang halal.

Taklik merupakan suatu syarat atau persetujuan yang telah dilafazkan oleh suami, oleh itu hendaklah disempurnakan mengikut kehendak taklik tersebut.

ALASAN GOLONGAN KEDUA: (*Taklik tidak sah dan tidak mempunyai apa-apa kesan kepada talak*).

AL-QURAN:

Apabila kamu hendak menceraikan isterimu maka cerailah mereka diketika mereka boleh menghetong eddhah. (maksudnya ketika suci). (65/1)

Ayat ini telah menetapkan bahawa talak yang disarankan oleh al-Quran (jika tiba waktu yang amat memerlukan), hendaklah diwaktu yang tertentu sahaja, maksudnya: Talak itu hendaklah terus bukan tergantung, atau bersyarat atau sebagainya. Jika boleh digantongkan atau disyarat-syaratkan seperti didalam taklik-taklik talak, maka talak jenis itu tidak menentu waktu, apabila tidak menentu waktu maka talak itu bukan yang dikehendaki oleh syara'.

Golongan ini juga memberi alasan bahawa al-Quran berkali-kali menggunakan perkataan “al-Talak” seperti yang tersebut diatas dan ayat-ayat lain. Perkataan yang berhubung dengan *talak* didalam ayat-ayat tersebut, dapat difaham dengan mudah dari segi bahasa al-Quran itu, bahawa talak yang dikehendaki hendaklah terus. Al-Quran tidak pernah membayangkan bahawa talak itu boleh

digantong-gantong atau ditalik-taklikkan, talak mestilah jelas dan terus.⁴

Golongan ini juga memberi alasan lojek, kata mereka:

“Sesungguhnya disyariatkan nikah untuk bersatu, bukan berpecah” kalaularah sah taklik talak selepas nikah, maka dengan sendirinya membatalkan apa yang sepatutnya terjalin dari pernikahan tadi dan mengubahkan struktur perkahwinan yang dikehendaki oleh syara’. Sebab apa yang dijadikan oleh syara’ sebagai sebab untuk bersatu telah berubah (dengan taklik) menjadi sebab untuk berpisah.”⁵

Adalah jelas dari hujjah-hujjah yang telah diberikan oleh kedua-dua golongan tadi bahawa masaalah taklik talak merupakan masaalah *Ijtihadiyah* kerana ‘tidak terdapat suatu nas yang terang mengatakan boleh atau pun tidak boleh. Masing-masing dengan cara tersendiri membawa hujjah dan mentafsirkan alasan dengan cara yang tersendiri, masing-masing berpegang dengan nas-nas al-Quran tetapi pentafsiran dan cara pendekatan adalah berlainan.

Meskipun pendapat yang mengatakan taklik talak itu harus, didokong oleh Mazhab-Mazhab empat pada umumnya, tetapi ulamak-ulamak semasa, khususnya penggubal undang-undang keluarga *qanun al-ahwal al-Shakhsiah* di beberapa buah negara Islam telah sama berpendapat bahawa taklik adalah tidak sah. Talak yang sah hanya *talak munajjaz* iaitu talak secara langsung. Adapun yang tidak langsung iaitu *talak mu’allaq* atau pun taklik talak tidak memberi apa-apa kesan.

Republik Arab Mesir dalam undang-undang keluarganya nombor 25 perkara “2” berbunyi:

Tidak gugur talak yang tidak langsung, apabila dimaksudkan bagi melakukan sesuatu perkara atau meninggalkannya sahaja.

Didalam *al-muzakkira al-Idahiah* (penjelasan) undang-undang tersebut pehak penggubal undang-undang memberi penjelasan lanjut tentang perkara ini dengan mengatakan:

“Talak terbahagi kepada dua : Langsong dan tidak langsung. Talak secara langsung memang gugurlah talak, adapun yang tidak langsung (maksudnya taklik talak) jika dimaksudkan dengannya untuk menakut-nakutkan, atau mendesak supaya melakukan sesuatu atau meninggal dari sesuatu perbuatan, sedangkan tujuan sebenarnya bukan untuk menceraikannya, maka termasuklah dalam istilah ‘talak sumpah *al-yamin bittalak*. Talak sumpah dan sebagainya adalah sia-sia.

Perkara yang seumpama itu terdapat di Syria. Dalam undang-undang keluarganya No. 59 yang diwartakan pada 17/9/1953 artikal

⁴ Sila rujuk al-Syeikh Shaltut, *al-Fatawa*, hal. 299.

⁵ Sila lihat al-Syeikh Shaltut, *Muqaranah al-Madhahib Fi al-Fiqh*, hal. 105.

(90) memberi peruntukan yang hampir sama dengan undang-undang Mesir. Yang jelasnya talak tergantong atau taklik talak tidak dihetong. Maksudnya talak yang digantong (taklik talak) tidak sah.

Demikian juga dengan Sudan diperuntukan dalam peraturan yang dinamakan *al-Manshur al-Shari'i* 1953, No. (41) bahawa talak taklik tidak gugur.

Di Maghribi diperuntukan lebih jelas daripada yang tersebut di atas didalam undang-undang keluarga 1958 Fasal (52) yang berbunyi:

Talak taklik tidak gugur, samada bertaklik meninggalkan sesuatu atau melakukan sesuatu.

Aliran yang kedua ini merupakan aliran yang popular sekarang, disamping beberapa buah negara yang tersebut tadi memberi peruntukan khas didalam undang-undang keluarga yang taklik talak itu tidak sah, terdapat ulamak besar Islam menyokong hal yang tersebut.

Al-Syeikh Mahmud Shaltut (Bekas Censelor Universiti al-Azhar) dengan tegas menyatakan⁶ bahawa taklik talak tidak sah kerana berlawanan dengan kehendak ayat-ayat al-Quran yang berhubung dengan talak. Talak yang disarankan oleh al-Quran tegasnya adalah talak yang langsung, talak yang tergantong-gantong berlawanan dengan kehendak al-Quran, oleh itu tidak sah dan tidak ada apa-apa kesan.

Prof. Abd. Salam Madkur (Bekas Ketua Jabatan Syariah, Fakulti Undang-undang Universiti Kahirah dan sekarang menjadi Prof. Pelawat) juga berpendapat bahawa talak taklik tidak wajar, kerana talak yang tergantong-gantong mengandungi keburukan-keburukan spiritual yang tidak sesuai dengan fitrah insaniyah.⁷

TAKLIK TALAK DALAM PERTIMBANGAN

Setelah memandang dengan teliti kedua-dua pendapat di atas dengan hujjah-hujjah masing-masing maka saya berpendapat bahawa ada dua bentuk taklik talak yang perlu dipisahkan:

Pertama: Taklik talak yang dilafazkan sendirinya oleh seorang suami dengan pilihannya, kerana sesuatu sebab yang ia seorang sahaja mengetahuinya dan ia merasakan amat perlu bertaklik, mungkin untuk memperbaiki perangai isterinya yang tidak menyenangkan atau pun memang ia hendak menceraikan isterinya melalui taklik.

Kedua: Taklik talak yang dimestikan oleh peraturan dan undang-undang negeri tanpa kena mengena dengan kehendak suami, dan

⁶ *Al-Fatawa*, hal. 229.

⁷ Lihat bukunya *Ahkam al-Usrah Fi al-Islam*, hal. 74.

jauh sekali dari niat dan kehendaknya untuk menceraikan isteri atau untuk memperbaiki sesuatu keadaan.

Taklik jenis pertama pada pandangan saya adalah wajar dan sabit, talak akan jatuh apabila perkara yang ditaklikkan tadi berlaku, taklik jenis inilah pada pandangan saya yang dikatakan sabit oleh jumhur fuqaha' dengan alasan-alasan yang telah dibawa bagi golongan yang pertama dahulu.

Adapun taklik jenis kedua adalah tidak wajar dan tidak patut diadakan dengan alasan-alasan berikut:

1. Taklik talak pada umumnya adalah harus hukumnya seperti taklik dalam jenis yang pertama tadi, apabila dimestikan juga, maka bererti mengubahkan hukum syara' dari yang asalnya (katakan) harus, kepada mesti atau wajib, ini tentulah tidak wajar.

Untuk menjelaskan bagaimana taklik itu dimestikan (diwajibkan) oleh peraturan atau undang-undang pentadbiran Majlis-majlis Ugama Islam Di Malaysia maka rujuklah:

Undang-undang Pentadbiran Majlis Ugama Islam Perlis Bahagian (8) 87 (8). Fasal (23) borang pendaftaran nikah Selangor.

Sijil perkahwinan negeri Perak dan lain negeri yang keseluruhannya hampir sama.

Di negeri Pahang diperuntukan dengan lebuh jelas bahawa sesiapa yang tidak mahu menurut perentah yang berkuasa (termasuk perentah taklik talak) maka boleh dihukum denda.

2. Ada orang mengatakan taklik talak itu wajar, berdasarkan *siyasah shar'iyyah* dimana pehak pemerentah boleh bertindak mengenakan sesuatu hukuman atau membuat sesuatu undang-undang berdasarkan *maslahah* hal ini mereka berpegang kepada kaedah yang terkenal:⁸

Tindak tanduk al-Imam (pemerentah) mengenakan sesuatu hal keatas rakyat bergantung kepada maslahat. Mereka berhujjah mengatakan kemaslahatan adalah wujud didalam memastikan taklik, kerana dapat membela kaum perempuan dari di inayai oleh kaum lelaki dengan sewinang-winangnya.

Sebenarnya alasan itu tidak tepat pada pandangan saya, kaedah yang tersebut itu tidak boleh sama sekali dilaksanakan kepada masaalah taklik talak, kerana taklik talak (bagi yang mengatakan sah bertaklik) pada hakikatnya adalah talak yang bergantong-gantong, bila sampai masanya talak tergugur tanpa berhajat kepada lafaz talak yang baru daripada suami setelah lafaz itu dikeluarkan ketika bertaklik. Dengan lain perkataan taklik talak itu sebenarnya adalah talak

⁸ Lihat 'Abd al-Rahman al-Suyuti, *al-Ashbah wa al-Naza'ir*, (citakan kedua) Kahirah, 1378 H, hal. 121.

itu sendiri, cuma tergantong, oleh yang demikian apabila diwajibkan bertaklik atas alasan maslahat maka tidak kena, kerana talak itu sendiri adalah perbuatan yang dibenci Allah, sabda Rasulullah s.a.w.:⁹

Sebenci-benci perkara yang halal disisi Allah ialah talak.

Mengikut kaedah fiqh seperti yang tersebut didalam *al-Ashbah wa-al-Naza'ir* tadi juga maka disebutkan:⁹

Tidak boleh dinamakan maslahat apabila disuruh manusia melakukan perkara yang dibenci oleh syara'. (taklik talak tanpa sebab adalah dibenci oleh syara').

Kalau masih ada orang yang hendak mempertahankan alasan maslahat ini maka saya berpendapat adalah lebih bermaslahat kalau taklik sekarang dimansuhkan dan diganti dengan undang-undang yang menyeluruh (seperti akan datang). Bukan dengan cara mewajibkan perkara yang tidak.

3. Hukum talak adalah jelas pada umumnya iaitu diharuskan (meskipun) dibencikan Allah, tetapi hendaklah di ingat, ada kalanya talak itu diharamkan, iaitu apabila talak yang dilafazkan tanpa sebab, atau tanpa sebarang kesalahan dari pehak isteri yang ia sepatut menerima talak.

Di haramkan talak jenis ini bukan kerana zat talak itu, tetapi kerana *mudarat*, dengan talak tadi isteri akan menderita tanpa kesalahan yang dilakukan, anak-anak akan kehilangan bapa atau ibu, keluarga keduanya akan renggang dan berbagai-bagai lagi implikasi-implikasi buruk *mudarat* yang berlaku.

Sabda Rasulullah s.a.w. “

Tidak boleh sama sekali melakukan mudarat dan tidak boleh dimudaratkan.

Kaedah Fiqh mengatakan pula :

Kemudaratan mestilah dihapuskan.

Dengan ini jelas bahawa talak tanpa sebab adalah diharamkan sebab itulah Rasulullah s.a.w. pernah bersabda dari Hadith yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dalam kitabnya *Sahih Bukhari* Bab Talak, maksudnya seperti yang tersebut didalam *Fathu al-Bari* Juzu' 11, hal. 311:

Seorang suami tidak boleh melafazkan talak keatas isterinya kecuali ada keperluannya (hajatnya) seperti isteri mendurhaka dan sebagainya.

Kalau talak tidak dibolehkan kecuali ada keperluannya maka demikian juga taklik talak, kedua-duanya hampir sama, suami yang baharu berijab kabul dimajlis akad sudah tentu tidak ada hajatnya

⁹ Ibid, hal. 121.

langsung untuk menceraikan isterinya, jauh sekali dari berniat untuk menceraikannya, dengan sendirinya juga suami tidak memerlukan kepada taklik kerana taklik itu sendiri jika benar-benar difahamkan kepada suami dan kalau diberi pilihan kepadanya maka ia tidak akan melafazkannya, kerana jelas, bertaklik bererti mengikat diri sendiri, malah tidak ada langsung keperluannya didalam bertaklik. Tetapi oleh kerana keadaan yang separuh terpaksa maka taklik dilafazkan, artinya taklik tersebut bukannya dari hati sendiri.

Kesangslan Hukum Taklik

Taklik talak di Malaysia pada umumnya merupakan amalan yang lumrah. Hampir seluruh perkahwinan yang berlaku di ikuti dengan taklik talak, dengan lain perkataan keseluruhan perkahwinan di Malaysia sekarang ini disertai dengan lafaz talak yang tergantong-gantong.

Taklik talak seperti yang diamalkan di Malaysia, dari dahulu hingga sekarang tidak terlepas dari dua kategori:

Pertama : Sama ada hendak dinamakan talak yang sebenar,
atau

Kedua : Tidak merupakan talak tetapi hanya semata-mata taklik.

Kalau dinamakan talak sebenar maka perkara ini menurut sabda Rasulullah s.a.w. maksudnya: *Sebenci-benci perkara yang halal disisi Allah ialah talak*.

Dari segi yang lain Rasulullah tidak membezakan talak seperti manakah yang amat dibenci Allah *talak munajjaz* (talak langsung) atau *talak mu'allaq*, (talak taklik) oleh itu kedua-duanya termasuk dengan sendirinya dalam perkara sebenci-benci perkara yang halal disisi Allah. Apabila perkara itu menjadi sebenci-benci perbuatan disisi Allah maka mestilah dijauhi dengan sepenuh daya dan tenaga bukan dengan memudahkan. Jauhlah sekali daripada memastikannya, oleh itu wajarlah taklik itu dihapuskan langsung.

Kalaular taklik talak itu tidak dinamakan talak akan tetapi hanya semata-mata taklik, maka kelemahannya adalah jelas, iaitu orang yang bertaklik boleh menarik balik taklik yang dilafazkan. Apabila ditarik balik maka terbatallah taklik dan hilanglah fungsinya, dan hilanglah bersama-samanya *maslahat*, seperti yang diperkatakan didalam perbincangan “Apakah wujud kemaslahatan dalam bertaklik” sebelum ini.

Untuk membolehkan ditarik balik taklik tersebut, jika sebenarnya ia bukan talak, adalah jelas dari Hadith Rasulullah s.a.w.: maksudnya: *Tiga perkara yang tidak boleh ditarik balik melainkan dengan penunaian, iaitu nikah, talak dan rujuk.* (Ini berarti bahawa taklik tidak termasuk didalam perkara-perkara yang tidak boleh ditarik balik). Oleh yang demikian taklik boleh ditarik balik, kerana

tidak termasuk didalam tiga perkara yang tidak boleh ditarik balik, kalau ia talak memang tidak boleh ditarik balik, tetapi keburukan darinya adalah jelas seperti yang tersebut di atas tadi. Keseluruhan pehak yang mengatakan taklik itu pada umumnya harus, adalah berpandukan kepada Hadith: *Orang-orang Islam tunduk dibawah syarat-syarat mereka* (seperti yang tersebut sebelum ini).

Dengan Hadith ini adalah semakin jelas bahawa taklik talak boleh ditarik balik jika dipersetujui oleh kedua-dua pehak (orang yang membuat dan menerima syarat) kerana tiap syarat yang dipersetujui bersama boleh ditukar kepada syarat lain atau digugurkan langsung dengan persetujuan bersama pula.

Taklik talak dalam beberapa hal di istilahkan juga oleh Ulamak dengan talak sumpah *Yamin al-talak*, meskipun tidak menggunakan lafaz-lafaz sumpah yang selalu digunakan bagi sumpah perkara-perkara lain dari talak.¹⁰

Apabila taklik talak telah digunakan sebagai *yamin al-talak* atau *al-halaf bittalak* maka implikasinya agak berat jika ditinjau dari sudut suatu Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Asakir’ An Anas Radhiyah-lah ‘anhu¹¹. Seorang mukmin tidak akan bersumpah dengan talak dan tidak pula diminta supaya seseorang itu bersumpah talak melainkan orang munafik. Hadith ini adalah jelas maksudnya iaitu sifat mukmin sebenar ia tidak akan bersumpah dengan talak, sekiranya ada orang yang meminta orang lain supaya bersumpah dengan talak maka orang itu adalah munafik.

Penguatkuasaan amalan taklik dengan undang-undang dan peraturan, mengandungi unsur paksaan keatas manusia melakukan sesuatu yang tidak disukainya. Pada pandangan saya, tidak mungkin wujud seseorang suami yang benar-benar ikhlas pada perkahwinan, mengingini perkahwinannya tidak kekal. Dengan lain perkataan suami yang sebenarnya tidak akan terlintas dihatinya hendak menceraikan isterinya, apa lagi ketika akad nikah baharu sahaja diselesaikan dan mereka belum bertemu satu sama lain. Tetapi mengapa berlaku seperti yang wujud sekarang ini, keseluruhan orang yang berkahwin di Malaysia, sebelum lagi ia mendampingi isterinya, perkataan talak telah dilafazkan sekali, dua kali atau tiga kali, kebanyakannya tiga kali, berdasarkan taklik yang tersedia, apakah itu kerana kerelaan hatinya? Pada saya ini tidak dengan pilihan suami, tetapi kerana wujud unsur paksaan.

¹⁰Sila lihat al-Syeikh ‘Ali al-khafif *Furaq al-Ziwaj*, hal. 121 dan Dr. Abd al-Salam Madkur, *Ahkam al-Usrat Fi al-Islam*, hal. 109. Lihat juga al-Shaltut, *Muqaranah al-Madhahib Fi al-Fiqh*, hal. 71.

¹¹Al-Qurtubi, *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, Kahirah, 1967, hal. 149 dan Muhammad al-'Ajluni al-Jarahi, *Kashf al-Khafa'*, Halab, 1953, jilid 2, hal. 417.

Unsur paksaan (bukan paksaan sebenar) yang saya tegaskan disini berpunca dari tiga faktor:

PERTAMA, Amalan taklik adalah amalan yang lumrah dilakukan turun temurun. Orang-orang awam telah merasakan yang perkara itu adalah suruhan Ugama yang tidak boleh disangkal atau dicegah, ditambah pula dengan keadaan dimajlis akad itu sendiri yang pada umumnya dilakukan didalam suatu majlis yang meriah, disaksikan oleh sanak saudara, rakan taulan dan dilaksanakan oleh: sama ada Mufti, Khadi, Iman dan sebagainya, disaksikan oleh alim ulamak. Keadaan seperti ini tentulah tidak mengizinkan sama sekali bagi seseorang lelaki (orang awam) membantah atau bertanya sesuatu tentang taklik, meskipun hati kecil setiap suami tentu tidak tergamak melafazkan talak walaupun dengan bentuk taklik tanpa sebarang sebab, semuanya itu dilakukan kerana wujud unsur paksaan.

KEDUA: Unsur paksaan dalam taklik talak semakin jelas dengan adanya undang-undang atau peraturan yang memastikannya, dengan peraturan tersebut orang yang hendak berkahwin terpaksa melafazkan taklik, kalau tidak akad nikahnya tidak akan dilaksanakan.

KETIGA: Dalam mazhab al-Shafie menurut al-Imam al-Suyuti ada pandangan yang mengatakan bahawa apabila sesuatu arahan itu datangnya dari *al-Sultan* maka ertiinya paksaan.

Dalam *al-Ashbah wa al-Nazair* halaman 210 dibawah tajuk:

Suruhan al-Sultan adakah merupakan paksaan?

al-Sayuti menerangkan ada dua pendapat, salah satunya mengatakan “Ya”, ia merupakan paksaan kerana dua sebab:—

1. Kebiasaan apabila menyalahi perentah atau arahan *al-Sultan* maka perkara-perkara yang tidak di ingini mungkin berlaku.
2. Ketaatan kepadanya adalah wajib pada keseluruhannya.

Dengan fakta-fakta tersebut di atas bolehlah dibuat suatu kesimpulan, maskipun taklik talak di Malaysia tidak dipaksa dalam erti kata paksaan yang sebenar tetapi ada unsur paksaan, apabila telah sabit wujud unsur paksaan maka memang tidak wajar taklik itu diteruskan lagi. Kerana didalam perkara talak atau taklik talak memang tidak wajar dimasukkan unsur-unsur paksaan.

LATAR BELAKANG PENGUATKUASAAN AMALAN TAKLIK DI MALAYSIA.

Taklik talak yang menjadi amalan masyarakat Islam Malaysia, yang pada umumnya dimestikan oleh undang-undang seperti yang diperkatakan sebelum ini, mempunyai latar belakang yang tersendiri.

Sebelum taklik talak dilaksanakan, banyak masaalah kekeluargaan, khususnya masaalah perceraian menjadi masaalah yang amat rumit diselesaikan oleh pehak-pehak yang berkenaan. Perempuan-perempuan yang berkahwin ada kalanya ditinggalkan oleh suami-

suami mereka berbulan-bulan malah bertahun-tahun lamanya tanpa sebarang nafkah. Ada kalanya pula isteri-isteri itu dipukul dan diseksa oleh suami, ada kalanya suami-suami menceraikan isterinya semata-mata untuk menyeksakannya. Apabila hampir habis eddahnya maka dirujukkan semula, selepas dirujukkan ditalakkan pula dan berbagai-bagai lagi.

Oleh kerana memandang kepada perkara-perkara yang tersebut sukar diselesaikan apabila datang pengaduan kepada pehak yang berkenaan, maka timbulah fikiran menguatkuasakan taklik talak. Setiap lelaki yang berkahwin hendaklah bertaklik talak. (Lihat contoh-contoh taklik bagi tiap-tiap Negeri Di Malaysia sekarang). Apabila taklik telah dilafazkan, maka senanglah pehak yang berkenaan menyelesaikan masaalah-masaalah yang timbul seperti tidak memberi nafkah isteri yang ditinggal atau yang diseksa oleh suami dan sebagainya, *dengan menggugurkan talak berdasarkan kepada nas taklik itu*.

Misalnya: Apabila suami telah bertaklik.

“Setiap kali saya tidak memberi nafkah kepada isteri saya sebulan atau lebih lalu tidak sabar ia, mengadu ia kepada khadi dan apabila sabit, maka tertalaklah isteri saya satu talak.”

Dalam taklik seperti ini, apabila terhenti nafkah selama sebulan dan pengaduan dibuat kepada khadi, maka apabila sabit disisi khadi maka tertalaklah isteri itu satu talak dengan hukuman khadi.

Jika direnung kepada taklik yang berbentuk seperti itu dengan selayang renungan maka didapati suami tidak boleh mengabaikan nafkahnya kepada isteri, dengan lain perkataan, apabila wujud taklik itu maka terbelalah kaum perempuan, seolah-olahnya ia akan mendapat nafkah selama-lamanya, tetapi katakan pula berlaku sebaliknya, suami tidak memberi nafkah, isteri mengadu kepada khadi dan sabit maka ketika itu tertalaklah isteri tersebut. Soal yang harus timbul ialah apabila talak dijatuhkan apakah dapat menyelesaikan masaalah yang sebenar, iaitu masaalah tidak memberi nafkah. Saya rasa bukan sahaja tidak dapat menyelesaikan masaalah pokok yang sebenar iaitu nafkah, malah menambahkan beban baru yang paling rumit dan amat menyeka kaum wanita iaitu *talak* itu sendiri. Pada hal ada kemungkinan didalam kehidupan masyarakat kita, seorang perempuan tidak mengingini ia ditalakkan tetapi menghadapi masaalah suaminya tidak memberi sebarang nafkah dalam tempuh yang melebihi taklik. Apakah perempuan seperti ini akan mengadu kepada khadi meminta nafkah atau akan diam diri sahaja. Kalau ia mengadu maka ia mesti membutikan kepada khadi bahawa suaminya tidak memberi nafkah, apabila terbukti dan sabit kepada khadi bahawa suaminya sebenarnya tidak memberi nafkah maka talak, mahu tidak mahu, tergugur, sama ada dikehendaki oleh isteri

atau pun tidak, sama ada dihukum talak oleh khadi atau pun tidak. Yang pentingnya, apabila sabit perkara itu disisi khadi maka gugur-lah talak, itulah kehendak taklik yang telah dimestikan sebelumnya.

Walau bagaimana pun taklik talak ini dikuatkuasakan untuk memberi perlindungan undang-undang atau peraturan-peraturan kepada kaum perempuan apabila di inanyai atau disia-siakan oleh kaum lelaki, seperti tidak memberi nafkah, meninggalkannya berbulan-bulan, menyeksakannya tanpa sebarang sebab yang munasabah dan sebagainya, dengan adanya taklik yang dimestikan di atas tadi maka kaum perempuan boleh mengadu kepada khadi yang berkenaan untuk mendapat pembelaan Mahkamah bagi masaalah-masaalah yang dihadapi oleh perempuan-perempuan yang tertentu, inilah latar belakang sebenar berhubung dengan penguatkuasaan peraturan taklik.

Sekiranya tidak wujud taklik talak yang tersebut itu (bagi orang yang merasakan taklik itu adalah satu-satunya jalan keluar untuk membela kaum perempuan) maka akan tersia-sialah kaum perempuan dan pehak Mahkamah tidak boleh bertindak menyelesaikan masaalah yang dihadapi, kerana tidak ada peruntukan undang-undang untuk menyelesaikan masaalah-masaalah itu.

Tentang tidak ada peruntukan undang-undang yang jelas bagi perkara itu memang suatu kenyataan, tetapi apakah benar masaalah yang dihadapi itu tidak wujud didalam hukum-hukum *Fizh Mazhab Shafie* dan tidak dapat diselesaikan menurut lunas-lunas hukum mazhab, sebenarnya masih boleh dipersoalkan, walau bagaimana pun pada umumnya maka itulah latar belakang membawa kepada penguatkuasaan peraturan taklik, namun demikian, jika diteliti dengan cermat maka didapati ada beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian didalam perkara ini.

KELEMAHAN-KELEMAHAN DALAM PENGUATKUASAAN AMALAN TAKLIK.

Jika ditinjau dari sudut lain, tentang penguatkuasaan amalan taklik, yang pada umumnya adalah untuk membela kaum perempuan dan untuk kemaslahatannya, (seperti yang telah dibincang sebelum ini), maka didapati ada beberapa kelemahan didalam peraturan ini, kelemahan-kelemahan itu seperti berikut:

1) Taklik Talak Tidak Menyeluruh

Di dalam amalan taklik seperti yang wujud sekarang, tidak semua warga negara Malaysia yang berugama Islam bertaklik talak selepas diakad nikahkan, ini berlaku kerana beberapa hal:

- (a) Perkahwinan yang dilaksanakan diluar dari Malaysia, seperti di Mesir, di Saudi Arabia di Eropah dan sebagainya.

- (b) Saudara-saudara baru (suami isteri) yang memeluk ugama Islam tidak bertaklik kerana mereka kekal didalam perkahwinan asal, sekiranya kedua-dua suami isteri memeluk ugama Islam.
- (c) Orang yang enggan bertaklik talak selepas perkahwinan seperti yang banyak berlaku disetengah-setengah negeri terutama di Pulau Pinang, dan pernah berlaku di Perlis.

2) Hukuman Jatuhnya Talak Kerana Taklik Tidak Semuanya Mene-pati Hukum Yang Di Kehendaki.

Apabila seseorang awam telah bertaklik dan disabitkan diMahkamah atas aduan isteri bahawa ia telah melanggar takliknya, maka tidak semestinya hukuman yang dijatuhkan itu menepati hukum syara'.

Contoh yang jelas ialah tentang masaalah pukul atau mencedera-kan isteri, sekiranya seorang suami telah bertaklik (seperti yang dikuatkuasakan dibeberapa buah negeri):

"Tiap-tiap kali saya memukul isteri saya dengan melampaui adat, tidak sabar ia, mengadu ia kepada khadi dan apabila sabit disisi khadi maka jatuhlah satu talak saya keatasnya."

Apabila isteri dapat mensabitkan benarnya suaminya telah memukulnya seperti yang ditaklikkan itu maka jatuhlah talaknya satu.

Dalam hal ini memang pada umumnya tidak pernah berlaku bangkangan atau canggahan dari pehak suami berdasarkan hukum Fiqh mazhab Shafie khususnya, tentang keadaan yang membuatkan suami memukul isterinya. Khadi juga pada umumnya hampir tidak pernah menimbulkan suatu hal pokok didalam menjatuhkan hu-kuman.

Apakah suami yang bertaklik itu mengingati benar-benar taklik-nya dahulu, ketika ia memukul isterinya? Pada pandangan saya sebahagian besar suami-suami, apabila sampai keperingkat memukul isterinya, ia tidak lagi mengingati takliknya dahulu, semuanya terlupa, dilupakan oleh suasana marah yang amat sangat hingga tergamak ia memukul isterinya atau ibu anak-anaknya.

Jika ditinjau dari sudut hukum Fiqh maka kita dapati bahawa perbuatan melanggar taklik kerana terlupa, tidak jatuh talak. Al-Nawawi memberi pendapatnya dalam *al-Minhaj*:

Sekiranya suami bertaklik talak dengan suatu perbuatannya, tiba-tiba dilakukan perbuatan itu sedangkan ia lupa taliknya, maka tidak jatuh talak.

Penjelasannya seperti yang pernah diterangkan:

Sekiranya seorang suami bertaklik talak dengan suatu perbuatannya seperti katanya "Jika aku masuk kedalam rumah itu engkau tercerai" tiba-tiba ia masuk kerumah tersebut dengan terlupa

takliknya, atau pun ia masuk, tetapi tidak mengetahui (jahil) implikasi takliknya, maka tidaklah jatuh talaknya, berpandu kepada Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Majah dan lain-lain mqksudnya: Allah tidak menganggapkan sebagai suatu kesalahan bagi orang-orang yang lupa atau dipaksa.¹²

Dari hukum di atas maka besar sekali kemungkinan wujud dikalangan suami-suami yang bertaklik talak melanggar perkara-perkara yang ditaklikannya dengan terlupa, tetapi oleh kerana mereka tidak mengetahui hukum Fiqh yang mendalam dan (besar kemungkinan). khadi-khadi juga tidak menyatakan apakah mereka terlupa atau tidak tentang takliknya, maka hukuman dijatuhkan berdasarkan taklik yang dilafazkan, pada hal hukum sebenar kalau ia terlupa, talak tidak gugur, disini timbulah tanpa tanya yang besar: Apakah tidak berlaku perkara-perkara seperti itu didalam keskes taklik? Apakah tidak wujud kes yang sepatutnya tidak sampai menjatuhkan talak tetapi telah dihukum jatuh kerana beberapa keadaan?

3) Taklik Yang Tidak Boleh Di Namakan Taklik

Pernah saya saksikan berkali-kali, juga kenyataan dari beberapa orang rakan bahawa ada juru-juru nikah (mungkin kerana sesuatu hal) hanya menghulurkan borang taklik untuk dilihat oleh pengantin lelaki selepas di akadkan, atau untuk disemak perlahan-perlahan cara sendirian, hal yang seperti ini menimbulkan tanda tanya apakah taklik yang seperti itu boleh dinamakan taklik yang sebenarnya mengikut kehendak syara' atau pun tidak, saya amat meragukan hal ini.

Keraguan taklik yang seperti itu adalah jelas jika ditinjau dari sudut: Apakah seorang lelaki yang menulis perkataan "Aku talaklah isteriku satu talak" dapat dianggap tergugur talak tersebut dengan penulisan itu.

Di dalam al-Majmu' *Sharh al-Muhazzab Juzu'* 16 halaman 118 tertera begini: *Apabila seorang suami menulis perkataan talak yang jelas seperti "aku talaklah isteriku" dan tidak disertai dengan niat, maka tidak jatuh talak. Kerana penulisan tersebut tidak jelas sama ada ia benar-benar hendak menjatuhkan talak atau pun semata-mata hendak mencuba tulisan. Oleh itu talak tidak gugur.*

Kalau sekiranya ia berniat talak dengan tulisan itu maka ada dua pendapat: Salah satunya, tidak gugur talak, kerana suami tersebut mampu berkata-kata, oleh itu tidak jatuh dengan tulisan.

¹²Lihat Muhammad al-Sharbini al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj*, Kahirah, 1377 H. jilid 3, hal. 326 dan al-Sayyid al-Bakri, *I'anah al-Talibin*, Kahirah, 1373 H. jilid 4, hal 23.

Apabila dipadankan hukum talak yang tersebut dengan hukum taklik talak di atas maka keadaan hampir sama, lelaki didalam hal di atas tidak melafazkan taklik, cuma menyemak sahaja dari taklik yang telah sedia bertulis, maka tidak boleh dinamakan taklik, kerana ia mampu bertaklik sendiri dengan suara yang jelas tetapi tidak dilakukan, oleh yang demikian hal-hal seperti itu tidak dinamakan taklik pada hakikat itu sendiri dipandang dari segi Fiqh, tetapi telah dianggap sah oleh peraturan yang ada, oleh itu jelas ketidak wajarnya perkara itu.

Hal yang sama juga berlaku, iaitu kebanyakkan orang yang bertaklik, bukan dilafazkan dari isi hatinya, ia diminta mengikut taklik yang dilafazkan oleh juru nikah, apakah itu juga taklik yang sebenar, mengapa taklik itu diajar sedangkan ia kalau hendak bertaklik sendiri, boleh berbuat demikian.

KEBURUKAN-KEBURUKAN DALAM BERTAKLIK

Jauh dari anggapan untuk mengatakan taklik talak itu tidak mempunyai kebaikan sama sekali, saya hanya cuba menimbulkan beberapa keburukan untuk menungan dan kajian. Keburukan-keburukan itu dapat saya simpulkan seperti berikut:

1. Seperti yang pernah diutarakan bahawa talak adalah suatu perkara halal yang amat dibenci Allah. Ulamak-ulamak telah memperkatakan dengan panjang lebar tentang hukum talak apakah talak itu dilarang atau diharuskan pada asalnya.

Banyak Ulamak berpendapat¹³ talak itu pada asalnya di larang Allah dan tidak diharuskan melainkan dengan sebab-sebab yang amat memerlukannya.

Ibn Taimiyah pernah menyebut bahawa mengikut al-Imam Ahmad bin Hanbal talak tanpa sebab adalah haram hukumnya, keharusan talak hanya ketika diperlukannya.

Pandangan golongan ini ada sandarannya, memandang kepada Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: *Sebenci-benci perkara yang halal disisi Allah ialah talak*¹⁴.

Berkahwinlah dan jangan ditalakkan, kerana talak itu mengguncangkan 'arsh al-rahman.

Sabda Rasulullah lagi yang agak lebih jelas seperti diriwayatkan oleh Ibn Abbas *Talak itu hendaklah ketika ada keperluannya.*

Kalau begitu keadaan talak, maka demikian juga dengan taklik talak ia tidak sepatutnya dilafazkan tanpa suatu sebab, lainlah ke-

¹³ Lihat umpamanya Dr. Ahmad Ghandur, *al-Talak Fi al-Shari'ah al-Islamiah, wa al-Qanun*, Kaherah, 1387 H. hal. 38 dan al-Kasani, *Bada'i al-Sana'i*, Kaherah, 1910, jilid 3, hal. 5.

¹⁴ *Sunan Ibn Majah*, Kaherah, 1372 H. jilid 1, hal. 318.

adaannya kalau suami benar-benar menghendaki taklik itu kerana ada sebab-sebab yang tersendiri, tetapi bagi amalan kita pada keseluruhannya suami tidak mempunyai sebab untuk bertaklik dan jauhlah dari berniat untuk melakukan demikian.

Mengeluarkan perkataan *Talak* sama ada yang langsung atau tidak langsung (taklik talak), adalah sesuatu yang amat berat, Rasulullah s.a.w. pernah mengingatkan kaum perempuan, jangan meminta talak tanpa sebab.¹⁵

Rasulullah bersabda: *Siapa sahaja orang perempuan (isteri-isteri) yang meminta suaminya menceraikannya tanpa sesuatu sebab, maka Allah s.w.t. mengharamkannya dari tercium bau syurga.*

Kalaulah seorang perempuan telah diharamkan kepadanya menghidu bau syurga, semata-mata kerana ia hanya meminta suaminya menceraikannya tanpa sebab, maka mengapakah seorang suami diwajibkan melafaz talak taklik tanpa suatu sebab pun.

2. Taklik talak juga ada jenis di istilahkan oleh *Fuqaha'* dengan *yamin al-talak* atau *al-halaf bittalak* maksudnya talak sumpah, kalaulah taklik talak ini dinamakan dengan talak sumpah, maka mengikut pertunjuk Rasulullah s.a.w. didalam suatu sabdanya seperti yang diriwayatkan oleh Ibn 'Asakir dari Anas yang maksudnya adalah jelas seperti yang pernah disebut sebelum ini.

Dari Hadith tersebut ternampak betapa tidak wajarnya bertaklik talak dan semakin tidak wajar lagi apabila taklik talak itu disuruh-suruh dan diwajibkan pula.

3. Suatu kelemahan lagi yang amat ketara didalam bertaklik ialah tentang masalah waktu talak dijatuhkan, untuk itu eloklah disebut tentang kedudukan hukum talak pada umumnya.

Kesimpulan dari semua kutipan-kutipan keterangan di atas menunjukkan bahawa diharamkan talak dalam dua keadaan:

1. Perempuan didalam keadaan haid.
2. Perempuan yang telah disetubuhi tetapi belum ternyata apakah ia hamil dari persetubuhan itu atau tidak.

Dengan penguatkuasaan amalan taklik seperti yang wujud sekarang adalah sukar untuk mengelakkan dari berlakunya “Talak haram” atau *talak bid'i* seperti yang tersebut di atas, hal ini jelas kerana mengikut *taklik*: Apabila sabit disisi khadi maka tergugurlah isteri satu talak. Talak akan jatuh sebaik sahaja sabit perkara yang dibicarakan itu, khadi tidak mempunyai pilihan berdasarkan taklik, kerana kewajipan adalah untuk mensabitkan, apabila sabit maka gugurlah talak.

¹⁵ Lihat al-Hakim, *al-Mustadrak*, Kahirah, 1924, jilid 2, hal. 200.

Di dalam hal-hal seperti itu apakah tidak mungkin perempuan yang dibicarakan sedang didalam haid atau sebagainya, dengan itu maka sukarlah untuk mengelak dari talak haram itu kecuali dengan memansukhkan taklik, kalau tidak maka talak haram itu akan berlaku dari masa kesemasa, didalam hal ini ada Fuqaha' berpendapat bahawa talak haram atau *talak bid'i* tidak dihetong sebagai *talak sya'ri*.

CONTOH LAFAZ TAKLIK

Ada taklik di Malaysia telah ditetapkan lafaznya begini:

“Tiap kali saya tiada memberi akan isteri saya akan nafkahnya yang mencukupi pada adat lamanya 4 bulan atau lebih maka bolehlah isteri saya mengadu kepada hakim syara’, jika disabitkan oleh hakim itu akan aduannya maka gugurlah talaknya satu.”

“Dan tiap-tiap kali saya rujukkan akan isteri saya yang tersebut kepada akad nikahnya dengan ketidaan redhanya maka gugurlah pula talaknya satu”.

Taklik ini telah dikuatkuasakan dari dahulu hingga sekarang.

Apabila diteliti didalam lafaz taklik tersebut maka amat dirasakan sesuatu yang janggal, kejanggalan itu berpunca dari beberapa persoalan yang timbul dari taklik bahagian akhir itu khasnya, antaranya:

1. Apakah rujuk disyaratkan redha isteri?
2. Taklik itu apakah ia sebenarnya taklik rujuk atau taklik talak?
3. Apakah dengan taklik itu suami membuat syarat keatas dirinya bahawa rujuknya tidak sah kecuali dengan izin isteri?

Persoalan pertama meskipun boleh dinamakan persoalan, tetapi hukumnya adalah jelas iaitu rujuk tidak disyaratkan sebarang kedhaan dari isteri, rujuk adalah hak mutlak suami. Dengan itu Fuqaha' telah berijma' tidak disyaratkan redha isteri (Rujuk *Raudah al-Talibin*, juzu' 8 hal. 216).

Difahamkan dari taklik itu juga bahawa suami telah meletakkan syarat sah rujuknya dengan keredhaan isteri, ertinya suami telah bertaklik rujuk, kerana dari ayat taklik itu seolah-olahnya boleh difaham begini: Apabila suami telah menceraikan isterinya, tiba-tiba ia hendak merujukkan semula isterinya maka keizinannya adalah perlu, kalau tidak rujuk tidak berhasil dan bilangan talak pula bertambah.

Katakanlah suami melafazkan lafaz rujuknya begini kepada bekas isterinya dihadapan khadi didalam eddahnya:

“Aku rujukkan engkau semula jika engkau redha” Lalu disambut oleh perempuan: “Saya redha,” sah atau tidak rujukan itu.

Jika ditinjau dari fahaman dari isi atau lafaz taklik tadi, rujuk seperti itu adalah sah, kerana suami telah bertaklik yang ia tidak

boleh rujuk tanpa keredhaan isteri, sekarang isteri telah memberi izin setelah dirujukkan, maka tentulah sah.

Tetapi hukum sebenarnya rujuk itu tidak sah walau pun sesuai dengan takliknya, didalam *Raudah al-Talibin* oleh al-Imam al-Nawawi juzu' 8 hal. 216 ada tersebut:

Rujuk tidak boleh dittaklikkan, kalau suami berkata: Aku rujuk-lah kamu, jika kamu bersetuju. Maka perempuan pun berkata: Saya bersetuju. Maka tidak sah rujuk tersebut.

Dalam *al-Ashbah wa al-Nazair* oleh al-Imam al-Sayuti halaman 376 ada tersebut: *Rujuk tidak sah dengan bertaklik.*

Jelas disini bahawa rujuk tidak boleh ditaklikkan.

Sekiranya dikatakan bahawa taklik itu bukan taklik rujuk tetapi taklik talak, maka timbul persoalan baru, apakah boleh digunakan lafaz rujuk untuk bertaklik talak, ini tidak wajar. Kerana rujuk untuk bersatu, talak untuk berpisah, bagaimana boleh digunakan yang sepatutnya bersatu bagi dijadikan sebab perpisahan.

Perkara ini ada konteknya dengan persoalan ketiga iaitu apakah dengan taklik itu suami mengatakan syarat keatas dirinya bahawa rujuknya tidak sah kecuali dengan izin isteri, kalau itu syaratnya maka syarat itu batal.

Untuk menjelaskan hal itu saya membawa satu contoh:

Seorang suami telah menceraikan isterinya, didalam eddahnya ia telah merujukkan semula isterinya itu, mengikut hukum syara' sahlah rujuk tersebut dan perempuan yang diceraikan itu kembali semula menjadi isterinya yang sah, bila menjadi isteri yang sah maka halallah baginya bersekedudukan secara suami isteri. Akan tetapi dengan adanya taklik tadi yang mensyaratkan redha perempuan maka (menurut taklik itu) tidak sah rujuk, dengan tidak mendapat keizinan dari isteri, malah jatuh lagi satu talak, dengan itu maka haramlah bagi lelaki itu bersekedudukan dengan bekas isterinya, kerana rujuknya dianggap tidak sah, sebab tidak ada keizinan.

Jika diamat-amati akan ternyata bahawa syarat yang dibuat itu mengandungi antara lain: Syarat yang mengharamkan perkara yang halal, kerana tanpa syarat itu rujuk tadi sah dan halallah perempuan itu kepadanya, tetapi dengan adanya syarat itu dan perempuan tidak bersetuju pula maka haramlah ia kepadanya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

Setiap syarat yang bertentangan dengan kitab Allah maka terbatalkan syarat itu meskipun dibuat seratus syarat.

Syarat itu bertentangan dengan ayat 228 surah *al-Baqarah*.

Dari segi kaedah hukum Fiqh yang diterima umum, didapati bahawa taklik dengan syarat redha itu adalah tidak betul dan terbatalkan dengan sendirinya kerana berlawanan dengan syara'.

Dalam *al-Ashbah wa al-Nazair* halaman 149 kaedah 25 ada disebutkan:

Sesuatu yang sabit hukumnya dari syara' adalah diutamakan dari suatu yang disabitkan dengan syarat.

Di dalam perkara taklik dengan syarat redha itu, syara' telah menetapkan tidak perlu kepada redha isteri untuk rujuk, tetapi kita telah membuat taklik bersyarat iaitu tidak boleh rujuk melainkan dengan izin isteri, disini wujud pertentangan antara syarat yang dibuat dengan hukum syara', mengikut kaedah di atas. Apabila hukum syara' bertentangan dengan syarat yang dibuat maka hukum syara' yang mesti didahulu dan diterima, manakala syarat yang dibuat itu terbatal dengan sendirinya.

KESIMPULAN:

Memandang kepada semua hal yang telah disebutkan dari awal hingga akhir tadi, maka saya merasakan amat tidak sesuai taklik talak diteruskan amalannya, yang sedikit sebanyaknya jelas ketidak wajarannya. Oleh itu eloklah dimansuhkan taklik talak sekarang dan digantikan dengan undang-undang bertulis seperti yang diamalkan oleh kebanyakan negara Islam seperti Mesir, Sudan, Iraq, Syria, Maghribi, Tunisia dan sebagainya.

Segala yang diperlukan didalam taklik untuk menjaga kepentingan kaum wanita, hendaklah diubah menjadi undang-undang bertulis. Dengan wujudnya undang-undang itu maka hilanglah keraguan dari perkara taklik tadi dan segala kelemahan didalam taklik dapat diatasi oleh undang-undang sepenuhnya.

Apa yang jelas, taklik seperti yang diamalkan sekarang, wujud keraguan yang tidak dapat dinafikan, kalau pun tidak sampai kita katakan tidak sah tetapi kesamarannya jelas, keraguan wujud tanpa syak wasangka lagi.

Oleh itu:

Tinggalkanlah perkara yang meragukan kamu dan ambillah yang tidak meragukan. Perkara yang tidak diragukan sama sekali ialah mengadakan undang-undang yang menyeluruh yang dinamakan undang-undang keluarga dan peradaban.

Wallahu A'lam.